



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA


1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia untuk kerja berikut :

NOMBOR SEBUTHARGA	TAJUK PERKHIDMATAN	KOD BIDANG
JHEAT/PEND/SB/5/2021	Perkhidmatan Pencucian dan Kebersihan Bangunan, Kawasan serta lain-lain Berkaitan di Sekolah Rendah Islam Darul Iman Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu.	221001
JHEAT/PEND/SB/6/2021	Perkhidmatan Pencucian dan Kebersihan Bangunan, Kawasan serta lain-lain Berkaitan di Sekolah Rendah Islam Darul Iman Pengkalan Berangan, Binjai Rendah, Marang, Terengganu.	221002

2. Dokumen tawaran sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat di alamat :

**Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu  
Bahagian Khidmat Pengurusan,  
Tingkat 3, Kompleks Seri Iman,  
Jalan Sultan Mohamad,  
20676 Kuala Terengganu.**

3. Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja)** dan boleh diperolehi di alamat di atas. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai/Wang Kiriman Pos/Wang Pos/Bank Draf atas nama Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu.
4. Pembelian Dokumen Sebutharga, Pemilik lesen atau wakil yang diberi kuasa (bersurat sahaja) hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut :
  - a. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dari Kementerian Kewangan; dan
  - b. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera dari Kementerian Kewangan
5. Dokumen sebutharga akan dijual mulai **10 Januari 2021 hingga 17 Januari 2021**. Lawatan Tapak adalah **DIGALAKKAN**.
6. Dokumen sebutharga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis nama dan rujukan sebutharga dan dimasukkan ke dalam peti tawaran serta dialamatkan kepada **Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Unit Pembangunan, Tingkat 4, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu** pada **18 Januari 2021 (Isnin)** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari.

  
TIMBALAN PESURUHJAYA  
(PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN)  
b.p PESURUHJAYA HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU